

Tarikh Dibaca: 24 April 2026M / 06 Zulqa'dah 1447H



KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“TUNAIKAN ZAKAT
KEPADA AMIL BERTAULIAH”***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

“TUNAIKAN ZAKAT KEPADA AMIL BERTAULIAH”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا
وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ.¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : يَتَأَيَّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan
kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan
meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua
diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.

¹ Al-Taubah: 103.

² Ali-Imran: 102.

Muslimin yang dikasihi Allah SWT sekalian,

Berikutan isu yang hangat diperkatakan mutakhir ini yang dikatakan berkaitan dengan zakat, marilah sama-sama kita mengambil iktibar dan menginsafi bahawa zakat merupakan ibadah yang melibatkan harta serta mempunyai peranan yang besar dalam membantu golongan asnaf dan memakmurkan ekonomi umat Islam. Maka, mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: **"TUNAIKAN ZAKAT KEPADA AMIL BERTAULIAH"** agar kita semua memahami kepentingan menunaikan zakat melalui saluran yang sah dan pengagihan secara telus kepada golongan asnaf yang berhak menerimanya.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Ibadah zakat adalah ibadah yang melibatkan harta serta masalah umat Islam dan sangat sensitif kerana boleh terdedah kepada penyelewengan. Oleh itu, Nabi Muhammad SAW telah menetapkan suatu prinsip yang jelas bahawa urusan zakat mesti dikawal selia secara ketat oleh pemerintah.

Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Humaid al-Sa'idiy *Radiallahuanhu* menceritakan bahawa Nabi SAW melantik seorang lelaki daripada kabilah Azd bernama Ibnu al-Lutbiyyah sebagai amil zakat. Setelah pulang, beliau berkata:

هَذَا لَكُمْ وَهَذَا لِي، أَهْدِي لِي، قَالَ: فَقَامَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى الْمُنْبَرِ، فَحَمِدَ اللَّهَ وَأَثْنَى عَلَيْهِ، وَقَالَ: مَا بَالُ

عَامِلٍ أْبْعَثُهُ فَيَقُولُ: هَذَا لَكُمْ وَهَذَا أُهْدِي لِي، أَفَلَا قَعَدَ فِي
بَيْتِ أَبِيهِ أَوْ فِي بَيْتِ أُمِّهِ حَتَّى يَنْظُرَ أَيُّهُدَى إِلَيْهِ أَمْ لَا

"Ini untukmu (harta zakat), dan yang ini adalah hadiah yang diberikan kepadaku." Kemudian Baginda SAW berdiri di atas mimbar (setelah mengetahui hal itu) lalu memuji Allah SWT dan bersabda: "Apakah yang terjadi dengan seorang amil (petugas) yang aku utus? lalu dia berkata: "Ini untukmu dan ini dihadiahkan kepadaku"? Mengapakah dia tidak duduk sahaja di rumah bapanya atau ibunya, kemudian dia lihat adakah dia akan diberi hadiah atau tidak?"

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Hadis ini menunjukkan bahawa pengurusan zakat berada di bawah pemantauan yang ketat, serta menuntut tahap integriti yang tinggi dalam kalangan amil. Pengurusan zakat mesti diurus secara sistematik dan telus oleh pihak berautoriti sebagaimana yang diisyaratkan dalam firman Allah SWT dalam Surah al-Taubah ayat 103 sebagaimana yang dibacakan pada awal khutbah yang bermaksud:

"Ambillah zakat daripada sebahagian harta mereka supaya kamu dapat membersihkan mereka (daripada dosa) dan menyucikan mereka (daripada akhlak yang buruk)."

Sidang Jumaat yang dimulikan,

Di Negeri Selangor, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor mewakilkan Lembaga Zakat Selangor (LZS) untuk menguruskan semua yang berkaitan dengan

kutipan dan agihan zakat. Justeru, hanya amil dan penolong amil yang dilantik secara sah sahaja dibenarkan untuk melaksanakan urusan kutipan zakat.

Perlu difahami bahawa pengurusan zakat adalah berkait pengurusan agama Islam yang berada dibawah bidang kuasa negeri. Setiap negeri mempunyai sistem pungutan dan agihan tersendiri bagi memastikan kebajikan asnaf diurus dengan teratur. Oleh itu, mana-mana pihak dari luar tidak sepatutnya melangkaui sempadan negeri untuk membuat kutipan zakat tanpa kebenaran pihak berkuasa mana-mana negeri lain.

Tindakan sebegini bukan sahaja menyalahi peruntukan undang-undang, bahkan boleh mengganggu perancangan agihan zakat yang telah disusun, seterusnya menjejaskan hak asnaf setempat yang sepatutnya dibantu dan diperkasa sehingga mereka mampu keluar daripada belenggu kesusahan.

Fatwa yang diwartakan pada 20 Januari 2025 menegaskan bahawa:

"Badan Bukan Kerajaan atau Non-Governmental Organization (NGO), individu atau badan lain yang membuat kutipan zakat di Negeri Selangor atau mengagihkannya tanpa izin Duli Yang Maha Mulia Sultan atau wakilnya yang diberi kuasa iaitu Majlis Agama Islam Selangor atau Pemegang Amanah Lembaga Zakat Selangor (MAIS) Berdaftar adalah tidak sah mengikut hukum syarak. Pembayaran zakat yang dibuat kepada individu atau badan lain yang tidak diberi kuasa yang sah itu adalah tidak sah dan pembayarannya masih tidak terlepas daripada kewajipan membayar zakat itu."

Sehubungan dengan itu, semua pihak hendaklah mematuhi dan menghormati fatwa Negeri Selangor, khususnya dalam hal menunaikan

zakat. Zakat yang dikutip dalam sebuah negeri hendaklah diagihkan kepada asnaf dalam negeri tersebut. Hal ini penting bagi memastikan hak asnaf setempat terpelihara, di samping mengelakkan kita daripada terjerumus dalam perkara yang menyalahi hukum syarak dan melanggar undang-undang.

Selain itu, Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 turut memperuntukkan bahawa mana-mana pihak yang mengutip zakat tanpa tauliah boleh dikenakan tindakan sewajarnya, termasuk denda atau hukuman penjara. Begitu juga, individu yang menunaikan zakat tidak melalui saluran yang sah dan amil yang dilantik boleh terdedah kepada tindakan undang-undang yang berkuat kuasa.

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Dalam memastikan keberkesanan agihan zakat, Islam menggariskan agar ia diuruskan dengan telus dan bertanggungjawab. Ini kerana wang zakat merupakan harta yang telah ditetapkan penerimanya, terutamanya golongan fakir dan miskin yang menjadi keutamaan mendahului asnaf yang lain, sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Taubah ayat 60:

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ
قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ ۖ فَرِيضَةً
مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ.

“Sesungguhnya sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir, orang miskin, petugas-petugas amil zakat yang menguruskannya, para mualaf

yang dijinakkan hati mereka, untuk hamba sahaya yang hendak memerdekakan dirinya, orang yang berhutang untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah dan Ibnu al-sabil (musafir yang terputus perbelanjaan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu) adalah sebagai sesuatu ketetapan (yang datangnye) daripada Allah. (Dan ingatlah) Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana."

Walaupun terdapat kaedah agihan zakat secara wakalah yang membolehkan pembayar zakat mengagih sendiri zakatnya, namun pelaksanaannya hendaklah berada di bawah pemantauan yang ketat daripada Lembaga Zakat Selangor bagi memastikan agihan dibuat secara telus dan menepati hukum syarak. Bahkan, wang yang diagihkan tersebut kekal sifatnya sebagai zakat yang perlu diagihkan hanya kepada asnaf yang berhak.

Dalam masa yang sama, umat Islam juga perlu memahami bahawa pengurusan zakat tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya, termasuk dalam hal memindahkan harta zakat ke negeri lain. Perbuatan membawa keluar dana zakat ke negeri lain dikira sebagai memindahkan harta zakat.

Imam al-Nawawi menyebutkan di dalam *Minhaj al-Talibin*:

وَالْأَظْهَرُ مَنَعُ نَقْلِ الزَّكَاةِ

"Dan pandangan yang Azhar adalah dilarang memindahkan harta zakat".

Zakat sepatutnya diutamakan kepada asnaf di tempat seseorang mencari rezeki. Jika ia dibawa keluar ke negeri lain tanpa keizinan *Ulil Amri*, hak asnaf setempat akan terabai dan berlaku kezaliman ke atas mereka.

Tindakan tersebut amat tidak bertanggungjawab, kerana umpama mencuri hak asnaf di negeri ini.

Kita sebagai umat Islam, mempunyai peranan yang besar untuk mempertahankan hak asnaf daripada "dicuri" oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Jika sesiapa yang mempunyai maklumat berkaitan individu atau kumpulan yang mengutip zakat tanpa tauliah, sila salurkan maklumat kepada pihak Jabatan Agama Islam Selangor untuk tindakan selanjutnya. Jangan berdiam diri dan menyembunyikan perkara salah yang berlaku, bimbang kita tergolong dalam golongan yang membantu kemungkaran kerana menzalimi dan menafikan hak asnaf.

Dalam hal ini juga, umat Islam perlu memahami bahawa bukan sahaja zakat, bahkan apa-apa bentuk kutipan dana awam yang melibatkan kepentingan umat Islam di Negeri Selangor hendaklah mendapat kebenaran daripada pihak berautoriti, iaitu Majlis Agama Islam Selangor.

Saudaraku sidang Muslimin yang dirahmati Allah SWT,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita menghayati beberapa pengajaran yang boleh dijadikan pedoman dalam kehidupan seharian kita:

1. Umat Islam hendaklah menunaikan zakat kepada amil yang bertauliah, kerana zakat merupakan ibadah yang tertakluk kepada kawal selia pihak berautoriti bagi menjamin ketelusan sehingga sampai kepada asnaf yang berhak.
2. Umat Islam hendaklah menunaikan zakat di negeri tempat menetap atau di negeri tempat mencari rezeki.

3. Lembaga Zakat Selangor hendaklah mengurus dan menyelia dana zakat dengan penuh tanggungjawab, telus dan sistematik. Sekiranya terdapat pihak yang tidak dilantik mengutip zakat, umat Islam hendaklah melaporkan kepada pihak berkuasa agama.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ
وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ

"Sesungguhnya penolong kamu hanyalah Allah dan Rasul-Nya dan orang yang beriman, mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat serta mereka rukuk (tunduk menjunjung perintah Allah)."

(Surah al-Maidah: 55).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الشَّرِيعَةَ، هَدَى لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.³

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

³ Al-Ahzab: 56.



ISLAMIC SAVOUR OBEDIENCE

اَللّٰهُمَّ اَعِزَّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِيْنَ،
وَدَمِّرْ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ، وَاَجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ اَمِنًا مُّطْمَئِنًّا وَسَائِرَ
بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ وَفِّقْ اَئِمَّةَ الْمُسْلِمِيْنَ وَوُلاَةَ اُمُوْرِهِمْ وَجَمِيْعَ الْمُسْلِمِيْنَ لِمَا
فِيْهِ صَلاَحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنٰى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمٰى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرَفُ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلاَحِ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَغْكُوْ اَمِيْر شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِيْ اَمْنٍ وَصَلاَحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ

عُمْرُهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلَغَ
مَقَاصِدَهُمَا لَطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat *Radiallahuamhum*, seperti yang telah dirumuskan oleh Imam Abu Hasan al-Asya'ri dan Imam Abu Mansur al-Maturidi, beramal dengan Mazhab Al-Syafi'e dan menerima tiga mazhab yang lain, serta bertasawwuf dengan jalan Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali. Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan dan sifat ekstrim, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.

Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ
إِمَامًا.⁴

⁴ Al-Furqan: 74.



رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.⁵
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁶
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.

⁵ Al-Baqarah: 201.

⁶ Al-Nahl: 90.